

05 MAY 2003

CASH SOKONG SARANAN DR MAHATHIR MENGENAI KAKITANGAN AWAM

KOTA KINABALU, 5 Mei (Bernama) -- Persatuan Pengguna Sabah dan Labuan (Cash) menyatakan sokongan terhadap saranan Perdana Menteri supaya kakitangan awam di negara ini tidak sentiasa menuntut kenaikan gaji.

Presiden Cash Patrick Sindu berkata kenaikan gaji yang kerap akan mendorong kepada peningkatan kos sara hidup di negara ini, khususnya di Sabah yang sudah sememangnya tinggi.

"Apa yang perlu ditingkatkan ialah daya pengeluaran kakitangan awam...apa yang saya dapati ada kakitangan awam yang selalu tidak berada di pejabat kerana urusan yang bukan berkaitan dengan tugas rasmi," katanya.

Beliau berkata kadar gaji yang diterima oleh kakitangan awam ketika ini adalah memadai.

"Kita perlu memikirkan pekerja rendah di sektor swasta yang menerima gaji yang rendah tetapi tidak pun bersuara apa-apa untuk menuntut kenaikan gaji," kata beliau.

Semalam Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata negara akan menjadi miskin dan kos sara hidup meningkat jika kakitangan awam sentiasa menuntut kenaikan gaji.

-- BERNAMA

JS PR